

# Semakan kehakiman: Rayuan Najib, Shafee ditolak

UM - 9/11/2021 ms: 12

Oleh NORLIZAH ABAS


utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Rayuan semalam memutuskan, pelantikan Datuk Seri Gopal Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Kanan bagi mengendalikan kes jenayah Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang betul.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Yaacob Md. Sam berpuas hati, kedua-duanya gagal membuktikan Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Tommy Thomas bertindak melampaui undang-undang atau berniat jahat ketika melantik Sri Ram sebagai TPR Kanan mengetuai pasukan pendakwaan.

Sehubungan itu, beliau yang bersidang bersama Datuk Lee Heng Cheong dan Datuk Che Mohd. Ruzima Ghazali sebulat suara menolak rayuan bekas Perdana Menteri dan peguam terkemuka itu untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak semakan kehakiman mereka.

Mahkamah membenarkan permohonan Muhammad Shafee untuk mengetepikan perintah kos RM10,000 yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi kerana



**GOPAL SRI RAM**

kes tersebut melibatkan kepentingan awam.

Ketika membacakan keputusannya, Hakim Yaacob menyatakan panel itu tidak ragu-ragu bahawa Sri Ram adalah peguam yang lebih daripada layak dan sesuai untuk dilantik sebagai TPR Kanan berdasarkan latar belakang dan pengalamannya.

Sri Ram dilantik mengetuai pendakwaan dalam perbicaraan kes Najib membabitkan penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berjumlah RM2.28 bilion dan kes Muhammad Shafee membabitkan perubahan wang haram RM9.5 juta.

Ujar beliau, hujah berkaitan pengemukaan surat pelantikan Sri Ram tidak menjadi isu di hada-

pan panel tersebut kerana ia telah diselesaikan oleh Mahkamah Persekutuan selepas Peguam Negara mengeluarkan salinan dokumen berkenaan seperti yang diarahkan.

Menurut hakim itu, Seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah yang disandarkan oleh Peguam Negara berdiri sendiri dan boleh diguna pakai untuk melantik Sri Ram atau mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan berkecayaan sebagai TPR Kanan.

Pada hemat panel itu, seksyen berkenaan dipinda bagi membolehkan Peguam Negara melantik TPR Kanan yang layak dan berpengalaman untuk mengendalikan pendakwaan khususnya bagi kes-kes yang kompleks.

Sehubungan itu, panel berkenaan memutuskan, Seksyen 376(3) perlu dibaca secara harmoni bagi mentafsirkan kelayakan pelantikan individu sebagai TPR Kanan secara terus manakala perkataan 'Kanan' tidak menjadikan pelantikan Sri Ram tidak sah atau bertal.

Beliau turut menyatakan, Seksyen 376(3) tidak menyatakan bahawa pihak yang layak dan sesuai dilantik mesti dalam kalangan

pegawai kehakiman dan perundangan atau pegawai kerajaan.

Oleh yang demikian, panel tersebut berpendapat bahawa Mahkamah Tinggi tidak terkhilaf ketika menolak semakan kehakiman Najib dan Muhammad Shafee yang mewajarkan campur tangan mahkamah untuk mengubahnya.

Najib diwakili oleh Muhammad Shafee manakala beliau pula diwakili oleh Harvinderjit Singh. Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan mewakili kerajaan.



**NAJIB TUN RAZAK**